

# **Family Variables and Self Concept Variables (Part 24)**

Siti Sarawati Binti Johar

## **7.0 KESIMPULAN**

Kesimpulannya, institusi keluarga yang diketuai oleh ibu bapa merupakan satu agen utama yang berfungsi sebagai pemboleh ubah utama dalam proses pembentukan konsep sendiri anak-anak, sama ada dilingkungi faktor gaya didikan, komunikasi, interaksi mahupun perhatian yang bersifat kasih sayang dan komitmen yang berterusan oleh ibu bapa. Saya berminat juga untuk mengaitkan realiti ini dengan Teori Abraham Maslow yang menegaskan bahawa sebelum manusia sampai ke tahap keperluan hidup yang lebih tinggi yakni tingkat yang menjadi petanda kejayaan, hakikatnya manusia amat perlukan kasih sayang. Jelas, kasih sayang yang ingin diperolehi anak-anak adalah tertumpu daripada kedua ibu bapa dan adik beradik kerana dengan rasa disayangi dan menyayangi tersebut, jiwa anak beroleh kekuatan untuk terus bernafas dan meneruskan hari-hari kehidupan dengan lebih membahagiakan.

Keharmonian agen keluarga sebagai pemangkin utama akan lebih idealistik apabila digabungkan dengan agen-agen pemboleh ubah sampingan yang lain seperti persekitaran, sekolah dan rakan sebaya. Agak ketara, ibu bapa perlu memainkan peranan secara lebih efisien dalam usaha memastikan pembentukan konsep sendiri anak-anak adalah dalam laluan yang teratur dan memenuhi tuntutan nilai, agama dan sosial demi kelangsungan masa hadapan yang lebih bermakna sekaligus membawa kesinambungan generasi yang berakhlak mulia, berdisiplin dan berilmu.

Similarnya di sini, pembentukan konsep sendiri yang positif seseorang individu dikesan amat berkait rapat dengan fungsi dan peranan ibu bapa dalam sesebuah institusi keluarga kerana itulah institusi yang paling dominan dan rapat buat anak-anak sejak mereka dilahirkan sehinggalah mereka bakal keluar ke dalam kelompok masyarakat, sekaligus memperlihatkan wujudnya kesinambungan ajaran dan ikutan daripada didikan ibu bapa ataupun tidak. Bukan sahaja faktor baka dari segi saiz badan dan gaya penampilan, malahan setiap gerak geri dan tutur kata ibu bapa berkeupayaan besar mempengaruhi setiap inci pergerakan dan hidup anak-anak dalam tempoh yang berpanjangan. Di sinilah perlunya untuk ibu bapa peka agar pengaruh yang mengalir itu adalah pengaruh yang boleh membina peribadi anak secara lebih cemerlang, gemilang sama ada secara langsung mahupun tidak langsung.

## BIBLIOGRAFI

- Abdul Halim Othman (1993). *Psikologi Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adler, A. (1929). *Position in Family Influences Life Style*. International Journal of Individual Psychology, 3(3), 211-227.
- Baumrind, D. (1991). *The Influence of Parenting Style on Adolescent Competence and Substance Use*. Journal of Early Adolescence.
- Berne, E. (1961). *Transactional Analysis in Psychotherapy*. New York : Grove.
- Burn, R.B. (1979). *The Self Concept*. London : Longman.
- Djamour, Judith (1979). *Keluarga dan Perkahwinan Orang Melayu Singapura*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Firth, R. (1966). *Housekeeping Among Malay Peasants*. London : The Athlone Press, University of London.
- Mussen, P.H., Conger, J.J & Kagan, J. (1963). *Child Development and Personality*. New York : Harper & Row.
- Patterson, Ch. (1973). *Theories of Counseling and Psychotherapy*. New York : Harpers & Row.
- Rogers, C.R. (1951). *Client Centered Therapy : Its Current Practice, Implication and Theory*. Boston : Houghton Mifflin.
- Ruth, C.W. (1979). *The Self Concept Vol.2 : Theory and research on Selected Topics*. University of Nebraska. London : Press Lincoln.
- Shaffer, David R. (1988). *Developmental Psychology Childhood and Adolescence*. California : Brooks / Cole Publishing Company.